

Oleh Muhammad Saufi Hassan dan Nor'Asyikin Mat Hayin  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ramai penagih dadah berhalusinasi sehingga akhirnya mungkin sehingga ke tahap mencederakan atau membunuh ahli keluarga kerana disangkakan hantu, musuh selain individu yang mahu mencederakan mereka.

Gangguan mental ini yang dialami kebanyakan penagih dadah disebabkan pengambilan dadah jenis stimulan secara berpanjangan.

Mendedahkan perkara itu, Pengarah Pusat Pengajian Sains Ketagihan Universiti Malaya (UMCAS) Prof Madya Dr Rusdi Abd Rashid menjelaskan, dadah jenis stimulan paling kerap dikaitkan dengan gejala psikosis atau gangguan mental yang teruk.

Rusdi berkata, dadah jenis stimulan seperti methamphetamine, amphetamine, ketamin dan beberapa jenis dadah lain boleh menyebabkan peningkatan 'dopamine' dalam otak sekali gus mengakibatkan gejala psikosis.

Katanya, psikosis ini berlaku sama ada berhalusinasi seperti mendengar suara-suara halus, nampak imej atau bayangan yang orang lain tidak nampak, rasa sesuatu merayap di dalam kulit atau badan atau terbau sesuatu yang hanya mereka saja yang mengalaminya.

"Kajian yang pernah dibuat mendapati, 36.5 peratus penagih Methamphetamine akan mengalami gangguan psikotik disebabkan oleh dadah berkenaan.

"Mereka yang mengambil

# BISIKAN HALUS KETIKA KHAYAL

*Penagih dadah alami gangguan mental, cenderung berhalusinasi akibat pengambilan dadah stimulan*



PENAGIH dadah bertindak agresif akibat gejala psikosis.

PENAGIH dadah perlu rawatan segera agar tidak mengundang bahaya kepada orang sekeliling.



DR RUSDI

dadah stimulan biasanya menjadi bertenaga, bercajak banyak dan terlebih aktif malah boleh berjaga malam selama berhari-hari.

"Keadaan ini boleh disertai dengan gejala psikosis yang menyebabkan mereka menjadi tidak rasional seperti pesakit mental sehingga ada kalanya

bertindak agresif," katanya. Rusdi berkata, keadaan menjadi tidak terkawal apabila dadah diambil secara lazim untuk jangka masa yang lama sehingga individu terbabit mengalami ketagihan

yang teruk. Beliau berkata, gejala psikosis mengakibatkan mereka menjadi tidak rasional di

» **Bersambung di muka 3**

PERANAN anggota keluarga penting dalam membantu penagih dadah keluar daripada ketagihan.



## » **Dari muka 2**

mana halusinasi dan delusi mempengaruhi tindak tanduk individu terbabit.

"Pada tahap ini, mereka tidak dapat membezakan antara realiti, fantasi dan mimpi sekali gus boleh menyebabkan mereka bertindak di luar kawalan seperti membunuh ahli keluarga yang disangkakan hantu, musuh atau orang yang ingin mencederakan mereka," katanya.

Menurutnya, apabila terputus bekalan dadah, individu ini akan berasa sangat letih, tidur sepanjang hari, rasa sangat lapar selain muring.

Katanya, penagih ini juga menjadi cepat marah.

"Berdasarkan kepada kajian saya di Hospital Bahagia, Perak dalam kalangan pesakit schizoprenia mendapati, kelaziman pesakit berkenaan menggunakan dadah adalah sebanyak 24.7 peratus.

"Kajian yang saya laksanakan adalah sekitar 2004 dengan dadah paling kerap digunakan ialah kanabis iaitu 16.7 peratus; heroin sebanyak 6.7 peratus dan dadah jenis stimulan sebanyak 5.7 peratus.

"Pesakit schizoprenia, terutama lelaki yang menggunakan dadah, mempunyai lebih kecenderungan untuk menjadi agresif," katanya.

Menurut Rosdi, psikosis akibat dadah stimulan boleh

menyerupai gejala penyakit schizoprenia.

Cumanya, psikosis akibat dadah stimulan bersifat sementara dan akan hilang apabila penagih berhenti mengambil dadah sepenuhnya.

Beliau berkata, gejala psikosis akan turut hilang apabila kesan dadah itu hilang.

Menurutnya, peranan ahli keluarga untuk mengenalpasti dan membawa individu terbabit untuk mendapatkan rawatan awal di fasiliti kesihatan sangat penting.

"Ini bagi mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan seperti mencederakan keluarga atau sehingga mengakibatkan seseorang kehilangan nyawa," katanya.